

Usah biar gajet kuasai anak

Pada hari ini kita melihat teknologi gajet sebagai suatu fenomena dunia yang baru. Perkembangannya pada saat ini berkembang cukup pesat bersamaan dengan kemampuan daya fikiran dan keperluan manusia akan teknologi ini.

Golongan kanak-kanak juga adalah antara yang terkesan dengan kepesatan perkembangan teknologi gajet memabatkan telefon pintar dan tablet. Tahun demi tahun, teknologi gajet ini semakin berkembang.

Jika dulu, teknologi gajet ini hanya mampu dimiliki oleh golongan atasan yang dilimpahi dengan kekayaan, tetapi kini teknologi skrin sesentuh ini mampu menjadi milik kanak-kanak yang sedang bertatih untuk berjalan. Mereka bukan lagi seorang kanak-kanak yang merengek meminta kertas dan pensel untuk belajar menulis, tetapi mereka adalah generasi yang merengek untuk menyentuh dan mengenali dunia teknologi skrin rangsangan hujung jari.

Jadi, persoalannya adakah perkembangan teknologi gajet ini boleh bawa kebaikan kepada tumbesaran kanak-kanak ataupun teknologi ini hanya menjadi racun kepada mereka?

Bantah gajet 'sahabat' anak

Ramai pakar membantah keras tindakan ibu bapa menjadikan gajet sebagai 'sahabat' kepada anak mereka. Kajian banyak didapati daripada ibu bapa yang menemui doktor di Hospital Pusat Perkembangan Kanak-kanak (PPUKM). Malah seorang doktor Pakar Pediatrik dan Pensyarah PPUKM, Dr Norazlin Kamal Nor sangat ber-

FORUM

Pembaca yang ingin menyuarakan pandangan berhubung isu semasa boleh menghantar sumbangan menerusi e-mel: **bhforum@bh.com.my**

setuju bahawa gajet dan kanak-kanak tidak boleh digandingkan. Ini berdasarkan kajian di Hospital HUKM menunjukkan pengaruh gajet boleh mengundang kesan buruk yang amat tinggi kepada kanak-kanak.

Henti budaya ber hadiah gajet

Pengerusi Badan Bertindak Kesedaran Penderaan Seksual Kanak-kanak (MCPSA) Sabri Rahman pula berpendapat, budaya menghadiahkan gajet berinternet kepada anak sebagai pengganti akan kesibukan ibu bapa perlu dihentikan.

Budaya ini mungkin dianggap bersesuaian dengan zaman teknologi sekarang, namun ia sebenarnya mampu mempengaruhi si anak kepada masalah sosial seandainya penggunaan gajet yang dihadiahkan tidak dipantau sebaliknya dibarkan menjadi 'pendamping' yang boleh merosakkan minda terutama kanak-kanak berusia lima hingga 12 tahun.

Kajian di sebuah Universiti Chi-



Kanak-kanak yang paling terkesan dengan teknologi gajet.

[GAMBAR HIASAN]

cago yang dilaporkan dalam *Journal of Comparative Neurology*, tiga tahun pertama kehidupan kanak-kanak adalah waktu penting bagi perkembangan otak kerana ketika inilah pelbagai bahagian otak menjalani proses 'pendawaian' - merujuk kepada perkembangan hubungan antara pelbagai sinapsel otak selepas lahir.

Sinaps adalah talian telefon yang membolehkan sel otak berkomunikasi. *Trillion* terbentuk sewaktu usia dua tahun pertama

dan dipercayai dihasilkan dengan berlebihan untuk menjamin kadarnya bagi mencukupi dalam membentuk rangkaian saraf bagi penglihatan, pertuturan, pemikiran, emosi dan kemampuan mental lain. Ketika usia ini kanak-kanak tidak sesuai didedahkan dengan teknologi gajet kerana mereka masih mentah dalam aktiviti untuk mengawal emosi dan diri mereka sendiri.

Untuk menafikan terus kehadiran teknologi ini adalah sesuatu

yang mustahil kerana ia ada di mana-mana. Jadi, ibu bapa bertanggungjawab menyeimbangkan keperluan ini. Seandainya zaman akan datang memang zaman yang dikuasai keseluruhannya oleh 'gajet', ibu bapa harus jadikan anak-anak sebagai individu menguasai gajet bukan gajet menguasai mereka.

Anis Nabilah Che Mohd Yusoff,
Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai